



# STATISTIK & DAPATAN TELENISA 2022



## TELENISA

 @Telenisa.SIS

 @telenisa

 @telenisa\_sis

## Sisters in Islam

 @officialSIS

 @sistersinislam.my

 @SistersInIslam

 SistersInIslamMYS

 @Sistersinislam.my



### Diterbitkan oleh

#### SIS Forum (Malaysia) - Sisters In Islam

No. 4, Lorong 11/8E, 46200 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

**T** +603 7960 3357 / 5121 / 6733

**E** sis@sistersinislam.org.my

**W** www.sistersinislam.org

#### Penulis

Syafiqah Fikri Abazah

#### Penyelia

Rozana Isa, Ireeny Muzammel,  
Syarifatul Adibah, Fadhlul Adnin

#### Reka Letak

Teddie Goh

- 1 — **Perutusan Telenisa Sempena Ulang Tahun Ke-20 Tahun**  
*oleh Shareena Mohd Sheriff*
  
- 3 — **Kata-Kata Aluan Pengarah Eksekutif**
  
- 7 — **Klien Kami**
- 8 — *Demografi Klien*
- 9 — *Kaedah Komunikasi*
- 9 — *Lokasi*
- 10 — *Pekerjaan & Pendapatan Isi Rumah*
- 11 — *Bantuan Yang Diminta – Akses Ke Pengadilan*
- 13 — *Taraf & Tempoh Perkahwinan*
- 13 — *Penglibatan & Kebimbangan Tentang Perkahwinan Poligami*
  
- 15 — **Hak Isteri**
- 16 — *Pertanyaan Berkaitan Perceraian & Punca Perceraian*
- 18 — *Isu-Isu Berkaitan Hak Isteri*
- 18 — *Isu-Isu Berkaitan Nafkah Isteri*
- 19 — *Nusyuz*
  
- 23 — **Hak Kanak-Kanak**
- 24 — *Isu-Isu Berkaitan Kanak-Kanak*
- 26 — *Penculikan & Pemelarian Anak Oleh Ibu Bapa*
  
- 28 — **Bagaimana Anda Boleh Membantu?**

# Isi Kandungan

# Perutusan Telenisa Sempena Ulang Tahun Ke-20 Tahun

oleh Shareena Mohd Sheriff

Tahun ini melakarkan genapnya ulang tahun Telenisa yang ke-20. Telenisa ditubuhkan pada 1993 untuk menyediakan khidmat nasihat guaman kepada wanita serta lelaki dengan memberi pencerahan tentang Undang-undang Keluarga Islam dan Kesalahan Jenayah Syariah di Malaysia.

Telenisa membawa misi untuk menyediakan nasihat perundangan yang adil dan peka terhadap gender. Nasihat mengenai peruntukan undang-undang yang sesuai, nasihat tentang amalan dan jangkaan seseorang klien yang berurusan dengan undang-undang Syariah, serta nasihat mengenai mahkamah dan institusi lain yang berkaitan dalam kerangka perundangan Syariah. Telenisa turut berusaha untuk memupuk kesedaran dan pemahaman tentang hak di bawah sistem perundangan Syariah. Telenisa adalah antara klinik guaman pertama yang memberi tumpuan kepada Undang-undang Syariah di Malaysia.

Sebahagian besar klien Telenisa terdiri daripada wanita, dengan purata agihan sebanyak 90% wanita dan 10% lelaki. Perkhidmatan kami meluas ke semua negeri yang turut menjangkau Sabah dan Sarawak. Sejumlah **15,000 insan** telah menerima perkhidmatan Telenisa sepanjang 20 tahun ini. Klien lazimnya menghubungi kami melalui telefon, Whatsapp, e-mel dan media sosial. Demi meluaskan capaian Telenisa ke khalayak umum, pada Julai 2008, Telenisa telah mengusahakan klinik bergerak yang disasarkan khas ke komuniti yang kurang bernasib baik.

Sehingga kini, Telenisa telah menapakkan klinik bergerak di Selangor, Kuala Lumpur, Sabah, Melaka, dan akan menjejak ke wilayah utara di Pulau Pinang.

Di ruang media sosial, Telenisa sering mengetengahkan isu yang disalah anggap masyarakat sebagai kontroversi. Larangan untuk berbincang isu sebegini telah menyumbang kepada pencerapan maklumat yang salah tentang hak wanita di bawah undang-undang. Isu-isu yang dimaksudkan adalah seperti nusyuz, rogol dalam perkahwinan, autonomi tubuh dan sebagainya. Isu yang sering membelenggu klien kami adalah isu berkaitan hak perceraian, termasuk isu sampingan seperti hak jagaan anak, pembahagian harta sepencarian dan nafkah anak. Isu-isu lain yang diadukan turut berkait dengan sistem mahkamah Syariah, peguam Syarie, hakim Syarie dan Jabatan Bantuan Guaman.

Perkhidmatan Telenisa disediakan secara percuma dan dipantau oleh kakitangan Sisters In Islam yang memegang kelulusan perundangan, termasuk juga sokongan tambahan oleh pelajar undang-undang serta kerjasama dengan Jabatan Bantuan Guaman Selangor dan Jabatan Bantuan Guaman Kuala Lumpur. Telenisa juga mempunyai panel peguam Syarie yang akan dirujuk kepada klien kami bila perlu.

Telenisa turut bekerjasama dengan organisasi lain untuk sebarang perkhidmatan sokongan yang perlu dilengkapkan. Sebagai contoh, kami sering merujuk klien

kami kepada organisasi yang menyediakan kaunseling dan tempat perlindungan untuk mangsa keganasan rumah tangga, serta kaunselor kesihatan mental dan bantuan guaman, termasuk juga perkhidmatan polis atau pihak berkuasa lain jika perlu.

Klien lazimnya menghubungi kami dalam keadaan trauma, keresahan mahupun kemurungan. Kami amat fahami bahawa klien memerlukan nasihat dan panduan untuk mengendalikan, menyelesaikan atau memulihkan kesukaran yang dihadapi. Klien adalah amanah Telenisa, maka perihal keselamatan, kesejahteraan dan kesejahteraan klien adalah kepentingan utama.

Telenisa juga menyediakan bantuan kewangan terhadap tanggungan kos pemfailan mahkamah melalui Dana Bantuan Guaman Nik Noriani. Dana ini disediakan untuk membantu wanita yang kurang bernasib baik dalam meringankan beban kos perceraian.

Sejak tahun 2016, Telenisa tekal menghasilkan buku statistik yang diterbitkan setiap tahun. Buku statistik ini memberi gambaran jelas tentang isu-isu perundangan yang paling kerap diadukan untuk tahun tersebut. Kami turut membuat analisis terhadap kecenderungan isu yang berterusan selama beberapa tahun.

Statistik sebegini adalah penting dalam memberi sokongan untuk gerakan reformasi undang-undang Syariah, penting juga dalam menyebarkan kesedaran

berkenaan pelbagai isu yang dihadapi wanita dalam sistem perundangan Syariah. Isu-isu seperti ketidakadilan yang disebabkan oleh undang-undang yang terlalu memihak kepada lelaki, kerumitan sistem Mahkamah Syariah, proses mahkamah yang tertangguh-tangguh, termasuk juga pengalaman klien dengan peguam Syarie yang berkelakuan tidak profesional. Ini adalah antara perihal yang diketengahkan demi usaha untuk menambah baik sistem perundangan.

Dari semasa ke semasa, Sisters In Islam turut mengendalikan sesi keterlibatan bersama pihak berkepentingan dalam sistem perundangan Syariah untuk membincangkan isu-isu yang dibangkitkan oleh klien Telenisa. Buku statistik Telenisa ini memberikan cerapan terperinci berkenaan pengalaman realiti seseorang wanita. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) juga menerbitkan buku statistik tahunan mengenai kadar perkahwinan dan perceraian pasangan Islam. Namun, tidak ada buku statistik lain yang menyediakan data sebagaimana yang dilakukan oleh Telenisa.

Operasi Telenisa agak terjejas apabila pandemik melanda dan kami terpaksa berkomunikasi menerusi atas talian sahaja. Namun begitu, usaha Telenisa tetap diteruskan kerana pandemik itu sendiri telah menyumbang kepada pelbagai isu tambahan. Perihal yang terkait dengan pandemik yang diadukan kepada kami adalah seperti, pengurusan hak jagaan yang terganggu akibat kawalan

pergerakan, kepayahan sesetengah pihak untuk menerima nafkah anak terutamanya pihak yang hanya boleh menerima pembayaran tersebut secara tunai sahaja, peningkatan keganasan rumah tangga yang ketara, dan kes-kes di mana isteri mendapat tahu suami mereka telah berkahwin poligami, serta isu-isu lain yang berkaitan.

Ketika pandemik berlalu, Telenisa telah menjalankan program mingguan secara langsung atas talian yang bernama "Telenisa Tells". Usaha ini penting untuk kami kekal terlibat dengan klien, sambil meneruskan kempen kesedaran untuk khalayak umum berkenaan isu-isu yang timbul ketika pandemik berlanjutan. Program atas talian ini diteruskan sehingga kini dan sejumlah 40 sesi telah berjaya dilaksanakan yang merangkumi isu seperti Hak Wanita Ketika Pandemik, Hak Kanak-Kanak, Penipuan Dalam Poligami, Perwalian, Kemiskinan Haid, Pemeriksaan Mengejut Haid dan Kesaksamaan Gender.

Telenisa menanam hasrat dengan rancangan masa hadapan melalui kajian rintis untuk lebih memahami keperluan klien golongan B40 ketika proses penuntutan hak daripada Mahkamah Syariah. Kajian rintis seperti ini dijalankan untuk mendokumen dan meneroka persekitaran ekosistem yang diperlukan oleh pasangan yang sedang melalui proses perceraian, mahupun yang sudah berpisah. Memahami apa yang diperlukan dapat

memenuhi persiapan lengkap sebelum menuju ke Mahkamah Syariah untuk menjamin kejayaan semasa proses usaha damai kemudiannya.

Akhir kata, Telenisa ingin menyampaikan ribuan terima kasih kepada rakan kongsi yang telah menyokong kami selama ini. Setinggi penghargaan ditujukan kepada Yayasan Sime Darby, Friedrich Naumann Foundation for Freedom Malaysia, Majlis Peguam Kuala Lumpur dan Pusat Bantuan Guaman Selangor, panel peguam kami serta sokongan daripada rakan organisasi yang telah bersama kami dalam menempa keadilan dan membawa kesedaran berkenaan isu dan hak wanita dalam sistem perundangan Syariah.



# Kata-Kata Aluan Pengarah Eksekutif



Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Pada tahun ini, pelancaran Statistik dan Dapatan Telenisa 2022 diraikan bersama-sama dengan sambutan ulangtahun Telenisa yang ke-20. Kami di Sisters in Islam amat berbangga kerana berpeluang selama dua puluh tahun untuk berbakti kepada institusi keluarga rakyat Malaysia dengan menyediakan perkhidmatan nasihat undang-undang Keluarga Islam kepada para wanita dan lelaki yang memerlukannya.

Sempena ulangtahun ke-20 Telenisa, bagi pihak Sisters in Islam, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang pernah terlibat memberi sokongan dana selama 20 tahun ini dalam menjayakan perkhidmatan Telenisa dan juga penyediaan dan penerbitan Statistik dan Dapatan Telenisa. Penghargaan besar diberikan kepada Australian High Commission, Canada Fund for Local Initiatives, Friedrich Naumann Foundation, Lee Foundation, Sigrid Rausing Trust dan yang terutama sekali kepada Yayasan Sime Darby.

Sisters in Islam juga amat berterima kasih kepada ramai individu dan rakyat Malaysia yang telah memberikan sumbangan dana bagi perkhidmatan Telenisa ini. Telenisa juga tidak dapat dijayakan dengan sepenuhnya tanpa sokongan oleh badan guaman Legal Aid Centre Selangor serta Kuala Lumpur melalui program pelatih dalam kamar yang berkhidmat di pelbagai NGO-NGO termasuk di Telenisa.

Selama 20 tahun perkhidmatan Telenisa dijalankan, dana sebanyak sekurang-kurangnya RM1.5 juta telah dibelanjakan untuk memastikan perkhidmatan ini wujud dan berjalan dengan lancar. Tanpa sokongan dari segi

dana, pelatih, keyakinan dan moral daripada institusi-institusi di dalam dan luar negara yang telah disebutkan serta ramai individu-individu yang telah menyumbang, perkhidmatan ini tidak akan dapat berterusan selama ini.

Tujuan Telenisa bukan sekadar memberi perkhidmatan kepada mereka yang memerlukan. Telenisa juga adalah wahana untuk mendapatkan bahan bukti advokasi untuk ditujukan kepada pembuat dasar dan keputusan berkenaan dengan apa yang dilalui oleh masyarakat, terutama sekali para wanita, dalam mendapatkan hak mereka di Mahkamah Syariah. Statistik dan Dapatan Telenisa telah diterbitkan semenjak tahun 2016 dan kini, adalah terbitan tahun ketujuh.

Ini adalah satu pencapaian yang sangat membanggakan kerana dengan adanya data dan maklumat sebegini, kita lebih memahami cabaran yang dilalui dalam perkahwinan di zaman kini, apakah yang perlu diperhalusi dari segi kesedaran, ilmu dan amalan kehidupan kekeluargaan serta kewangan dalam membina perhubungan suami isteri yang saksama, adil, utuh dan tenang. Lebih penting sekali adalah bagaimana undang-undang keluarga Islam serta sistem mahkamah syariah itu harus dan boleh diperbaiki agar ianya lebih lancar, mesra dan rahmah kepada mereka yang datang untuk menegakkan hak mereka.

Daripada Statistik dan Dapatan Telenisa 2022, saya ingin membangkitkan tiga perkara yang harus diambil peduli dan ditelitikan oleh semua pihak yang berkaitan dengan perundangan keluarga Islam:

1

99% daripada 431 klien yang datang ke Telenisa tidak mempunyai perwakilan guaman. 81% datang meminta bantuan untuk khidmat nasihat guaman dan perundangan dari Telenisa. 71% yang datang ke Telenisa adalah dari kumpulan B40 (golongan berpendapatan rendah iaitu pendapatan isi rumah tidak lebih daripada RM4,850 sebulan).

Justeru, penubuhan Pusat Bantuan Guaman Syarie (BAGUS) pada tahun 2022 adalah amat dialu-alukan kerana keperluan kaum wanita dari B40 amat memerlukan sokongan yang lebih banyak lagi dari semua pihak yang terlibat dalam sistem keadilan perundangan keluarga Islam.

Perkhidmatan kaunter sokongan di Mahkamah Syariah yang dikendalikan oleh pegawai-pegawai terlatih adalah suatu kemestian terutama sekali bimbingan berkaitan dengan kelengkapan dan susunan dokumentasi yang diperlukan. Ini supaya pengalaman adalah lebih mesra, nyaman dan efisien bagi mereka yang melalui proses di Mahkamah Syariah.

## 2

Isu nafkah isteri adalah semakin parah walaupun di hujung waktu pandemik Covid-19. 66% daripada klien Telenisa datang untuk mengetahui tatacara membuat tuntutan nafkah. 50% daripada kes nafkah isteri adalah berkaitan dengan nafkah yang tidak mencukupi. Kini peratus kes suami yang tidak bekerja melonjak naik ke 28% pada tahun 2022 berbanding 10% pada tahun 2021. Peratus kes isteri yang tidak menerima nafkah langsung naik sedikit dari 1% pada tahun 2021 ke 3% pada tahun 2022. Walaupun peratus dan jumlahnya adalah kecil, namun ianya membangkitkan persoalan bagaimana isteri dan keluarga mengharungi kehidupan seharian jika keperluan asas pun tidak bertanggung langsung oleh si suami.

Isu nafkah akan mempunyai kesan langsung terhadap kehidupan seharian, ekonomi keluarga serta kesan sosial kerana terdedahnya ahli-ahli keluarga tersebut kepada unsur-unsur atau keputusan yang mungkin mengambil kesempatan atas kesusahan hidup mereka. Apa yang diperlukan adalah kajian jangka panjang untuk melihat kesan terhadap keluarga apabila nafkah tidak ada atau tidak mencukupi kerana selain membuat dasar untuk bantuan sementara, apa yang perlu adalah usaha dan dasar di peringkat lokal atau komuniti yang lebih komprehensif untuk membawa mereka keluar dari belenggu isu-isu sosial dan kesusahan ekonomi.

## 3

Pada tahun 2022, isu pertikaian hak jagaan anak jatuh ke 0% daripada 1% pada tahun 2021 dan 52% pada tahun 2020. Namun begitu isu pemelarian anak menjadi genting dari 9% kes pada tahun 2020, ke 29% kes pada tahun 2021 dan 24% kes pada tahun 2022. Ini menunjukkan bahawa ibu atau bapa lebih rela mengambil jalan yang drastik yang melibatkan pelanggaran hak dan undang-undang. Pihak berkuasa harus menangani fenomena ini dengan lebih kesedaran dan pengetahuan tentang kenapa berlakunya ibu atau bapa mengambil keputusan sedemikian dan apakah langkah terbaik bagi memastikan kebajikan anak tersebut adalah yang paling utama dan terpelihara kerana dalam jangka panjang kebajikan dan hak anak tersebut yang akan paling terjejas.

Pada tahun 2022, Telenisa mengangkat isu baru berkaitan pendaftaran kerakyatan anak yang melibatkan 14% kes. Isu kerakyatan anak menjadi semakin runcing pada ketika ini. Telenisa menyokong segala usaha untuk memastikan semua anak yang dilahirkan di Malaysia atau jika salah seorang ibu atau bapanya adalah rakyat Malaysia, di mana jua dia dilahirkan, mempunyai hak mendapat kerakyatan Malaysia dan mendapat segala hak yang ada pada seorang rakyat Malaysia.



Undang-undang Keluarga Islam (UUKI) 1984 yang digubal dan diluluskan pada tahun tersebut merupakan salah satu undang-undang keluarga Islam yang terbaik di dunia pada ketika itu.

Namun, pindaan-pindaan kepada UUKI pada tahun 1994 dan 2005 memberi kesan tidak melindungi keadilan serta kebajikan isteri dan anak-anak. Contoh: pindaan pada 1994, Seksyen 23(1) Akta Undang-Undang Keluarga Islam 1984 Wilayah Persekutuan dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 1984 Selangor membenarkan pendaftaran perkahwinan poligami yang dilangsungkan tanpa kebenaran Mahkamah Syariah serta pemansuhan peruntukan Seksyen 23 (4) (e) di mana perkahwinan poligami yang dicadangkan tidak merendahkan secara langsung atau tidak langsung taraf kehidupan yang dinikmati oleh isteri dan orang-orang tanggungan yang sedia ada.

*Terima kasih.*

**ROZANA ISA**

*Pengarah Eksekutif, Sisters in Islam*

*22 Julai 2023*

Telah tiba masanya agar UUKI diteliti semula untuk membawa pindaan-pindaan yang lebih baik yang melindungi hak wanita dan anak-anak dalam keluarga di zaman kini. Usaha Sisters in Islam membawa data dan maklumat dari Statistik dan Dapatan Telenisa untuk dibincangkan dengan pihak autoriti agama masih diteruskan walaupun sukar dan penuh cabaran. Matlamat Telenisa adalah jelas dan kami di Sisters in Islam tidak akan putus asa untuk meneruskan perjuangan memperbaiki dan menegakkan hak wanita dan anak-anak dalam keluarga.

Saya ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua rakan sekerja sebelumnya dan yang masih berkhidmat di Telenisa kerana menjayakan perkhidmatan ini dengan lancar dan tanpa mengenal penat lelah. Kepada anda yang membaca laporan Statistik dan Dapatan Telenisa ini, doakanlah agar Telenisa terus berkhidmat dengan jayanya.



Klien Kami

## DEMOGRAFI KLIEN


Sepanjang tahun 2022, Telenisa telah menyediakan perkhidmatan kepada 431 orang klien. Daripada jumlah itu, 148 orang merupakan klien berulang yang kembali menggunakan perkhidmatan kami. Ini merupakan satu peningkatan dari tahun 2021 iaitu seramai 426 orang klien. Tahun 2022 juga terdapat peningkatan bilangan klien baharu seramai 283 orang. Ini menunjukkan bahawa perkhidmatan Telenisa masih lagi diperlukan sebagai sumber untuk mencari maklumat berkenaan undang-undang Syariah.

JUMLAH ORANG KLIEN




431

### Klien Baharu & Berulang (2021 & 2022)



● LELAKI ● PEREMPUAN



### JANTINA

Secara khususnya, 387 klien (90%) terdiri daripada perempuan dan 44 klien (10%) terdiri daripada lelaki.



## KAEDAH KOMUNIKASI

Pada tahun 2022, kami dapati seramai 335 orang klien (78%) telah menghubungi Telenisa melalui telefon, terutamanya melalui panggilan suara dan pesanan teks Whatsapp, diikuti oleh e-mel seramai 60 klien (14%), 24 klien (5%) menghubungi kami melalui Facebook dan 12 klien (3%) telah datang ke pejabat Telenisa untuk sesi rundingan secara bersemuka.

## Kaedah Komunikasi



TELEFON  
78%



E-MEL  
14%




FACEBOOK  
5%



BERSEMUKA  
3%

## Lokasi Klien (2020)



## LOKASI KLIEN


Data lokasi yang telah dikumpulkan menunjukkan 97% (419) daripada klien kami menetap di Malaysia, sementara 12 orang klien (3%) menghubungi kami dari luar negara. Sebanyak 69% (296) klien berpusat di Lembah Klang, di mana 231 orang daripada mereka menetap di Selangor, diikuti oleh Kuala Lumpur dengan 73 klien dan Putrajaya dengan 5 klien.

Sebanyak 31% (135) menetap di negeri-negeri lain di Malaysia, termasuk juga di luar negara. Negeri Johor mempunyai seramai 24 klien, Pulau Pinang dengan 20 klien, dan Terengganu dengan 12 klien. Negeri Pahang dan Melaka mempunyai 11 klien, Kedah dan Perak masing-masing mempunyai 8 klien. Manakala, Kelantan pula mempunyai 7 klien, Negeri Sembilan seramai 2 klien, Perlis dengan 1 klien dan selebihnya, 12 orang klien menghubungi kami dari luar negara. Telenisa turut menerima 19 klien dari Malaysia Timur—Sabah dengan 13 klien, Sarawak seramai 5 klien dan Labuan seramai 1 klien.

## PEKERJAAN & PENDAPATAN ISI RUMAH

Daripada jumlah 431 klien Telenisa, sebanyak 29% klien bekerja sebagai staf sokongan, diikuti oleh sektor lain-lain pada 18% dan suri rumah pada 16%. Klien yang berkerjaya profesional sebanyak 15%, klien yang bekerja sendiri pada 12%, klien yang tidak bekerja pada 8% dan pelajar sebanyak 2%.

### Pekerjaan



Berdasarkan statistik tahun 2022, 71% klien kami terdiri daripada golongan B40 (golongan berpendapatan rendah), peratusan yang telah menurun dari 75% pada 2021. Golongan B40 adalah kumpulan yang mempunyai pendapatan isi rumah tidak melebihi RM4,850 sebulan. Sebanyak 26% klien dari golongan ini menerima gaji bulanan di antara RM1,001.00 hingga RM2,500.00, sementara 25% menerima di antara RM2,500.01 hingga RM5,000.00, dan 20% lagi menerima kurang daripada RM1,000.00 sebulan.




### Klasifikasi Pendapatan Isi Rumah (2021-2022)


#### B40 (GOLONGAN BERPENDAPATAN RENDAH)



#### M40 (GOLONGAN BERPENDAPATAN PERTENGAHAN)



#### TIDAK DIKETAHUI



● 2021 ● 2022


Pada tahun 2022, terdapat penurunan peratusan sebanyak 15% dari 17% pada 2021. Penurunan ini mewakili klien daripada golongan M40 (golongan berpendapatan pertengahan) dengan julat gaji di antara RM4,851 hingga RM10,970 sebulan. Dalam golongan M40 ini, sebanyak 7% terdiri daripada klien yang berpendapatan di antara RM5,001.00 hingga RM7,500.00 sebulan. Selebih 8% lagi terdiri daripada klien pertengahan atas yang berpendapatan melebihi RM7,500.00 sebulan. Seterusnya, 14% daripada klien kami tidak mendedahkan pendapatan isi rumah mereka.



### BANTUAN YANG DIMINTA – AKSES KE PENGADILAN

Sebanyak 81% daripada klien kami meminta khidmat nasihat guaman dan perundangan sebagai bantuan, sementara 11% lagi meminta bantuan kaunseling. Sebilangan 7% mencari perwakilan guaman dan 1% lagi mencari tempat perlindungan yang selamat.

#### Bantuan Yang Diminta



Majoriti daripada klien kami (99%) tidak mempunyai perwakilan guaman, dan hanya 1% sahaja yang diwakili peguam syarie.

Kebanyakan klien kami ingin membuat tuntutan yang boleh membantu untuk meneruskan kehidupan mereka. Akses ke pengadilan itu wujud dan boleh dicapai. Namun, masih terdapat pelbagai cabaran yang perlu diharungi untuk memastikan kelangsungan proses perundangan dan perbicaraan yang adil dan saksama.

Tambahan pula, untuk membuka fail tuntutan memerlukan bayaran yang tinggi. Prosesnya panjang dan tidak selesai dengan sekali pertemuan. Sebaliknya, ia memakan masa yang mungkin bertahun lamanya. Ini menyebabkan klien kami memilih untuk mewakili diri tanpa peguam di Mahkamah Syariah, dan ini adalah dibenarkan. Namun, mewakili diri tanpa peguam mungkin akan membawa kerugian kerana tidak fasih dengan sistem perundangan atau tiada pengalaman dalam tatacara mahkamah.

Telenisa ingin mencadangkan beberapa langkah yang boleh membantu klien dalam menangani permasalahan di Mahkamah Syariah.

Pertama, Mahkamah Syariah boleh menyediakan kaunter sokongan yang merangkumi kaunter pertanyaan dan kaunter semakan yang dikendalikan oleh pegawai mahkamah. Ini akan menyelesaikan isu-isu tertentu yang dihadapi oleh orang ramai mengenai pengisian borang dan dokumen yang diperlukan bagi pemfailan kes. Ini kerana beberapa klien menanyakan Telenisa untuk menyemak permohonan dan dokumentasi mereka sebelum menyerahkannya kepada mahkamah. Perkara ini sering berlaku kepada klien yang ingin mewakili diri mereka di Mahkamah kerana masalah kewangan.

Kakitangan tersebut boleh membantu menyemak borang dan dokumen yang telah selesai diisikan oleh orang awam. Ini seringkali terjadi apabila mereka menghadiri pendengaran kes, hakim mahkamah mendapati kesilapan dan kekurangan dokumen yang boleh memberi kesan terhadap kes mereka. Disebabkan kesilapan sebegini, orang awam harus mengeluarkan kos tambahan bagi pemfailan semula untuk kes yang sama.

Ini tidak termasuk isu orang awam yang tinggal berjauhan dari Mahkamah Syariah. Isu lain termasuk cuti yang harus diambil oleh orang awam yang bekerja makan gaji untuk menguruskan kes di mahkamah.

Ini juga boleh menjimatkan masa dan kos pengendalian Mahkamah Syariah. Mahkamah boleh mendengarkan kes dengan lebih cekap dan berkesan tanpa menangguhkan sesuatu kes hanya disebabkan oleh pemfailan semula.

Khidmat kaunter pertanyaan ini perlu dilaksanakan di setiap negeri kerana setiap negeri mempunyai undang-undang Syariah yang berbeza dan borang berlainan yang diguna pakai oleh setiap Mahkamah Syariah.

Kedua, memperbanyakkan promosi untuk disasarkan ke orang awam. Promosi seperti kempen kesedaran berkenaan inisiatif yang telah dilakukan oleh kerajaan persekutuan, kerajaan negeri dan juga Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM) terutamanya.

Setiap negeri mempunyai khidmat bantuan guaman syariah tersendiri yang memberi khidmat nasihat serta khidmat perwakilan, seperti yang disediakan oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) sebagai contoh. Pada tahun lalu, inisiatif BAGUS telah diperkenalkan kerajaan untuk membantu Jabatan Kehakiman Syariah (JKSM) mempercepatkan penyelesaian kes-kes berkaitan syariah. Usaha dan bantuan sebegini telah pun dilaksanakan untuk kemudahan orang awam.


Namun, kesedaran terhadap usaha dan bantuan tersebut amatlah rendah di kalangan klien Telenisa yang ingin mencari bantuan, terutamanya bantuan perwakilan guaman. Kempen kesedaran akan memberi kelebihan kepada agensi-agensi yang menawarkan perkhidmatan nasihat dan perwakilan guaman. Agensi-agensi tersebut dapat berhubung terus dengan orang awam tentang permasalahan yang mereka hadapi di Mahkamah Syariah.




## TARAF & TEMPOH PERKAHWINAN

Data Telenisa yang dikumpulkan untuk tahun 2022 turut memaparkan taraf perkahwinan klien kami. Sebanyak 51% daripada klien kami telah bercerai, diikuti oleh 19% yang sedang menjalani proses perceraian. Kami mendapati 16% klien masih berkahwin dan 8% klien sudah berpisah. Klien yang bertaraf lain-lain dihitung sebanyak 4%, manakala klien yang masih bujang pada 2%.

### Tempoh Perkahwinan



### Penglibatan & Kebimbangan Tentang Perkahwinan Poligami



Pada 2022, 29% klien mempunyai tempoh perkahwinan melebihi 10 tahun. Seterusnya, 27% klien yang pernah berkahwin tidak mendedahkan tempoh perkahwinan mereka. Diikuti oleh 16% klien yang sudah berkahwin selama 4 hingga 7 tahun, manakala 13% lagi mempunyai tempoh perkahwinan di antara 8 hingga 10 tahun. Klien yang mempunyai tempoh perkahwinan di antara 1 hingga 3 tahun telah dihitung pada 10% dan klien yang baharu berkahwin kurang dari setahun adalah sebanyak 5%.

● 2021 ● 2022




Berdasarkan data Telenisa tahun 2022, sejumlah 51 klien (12%) berada dalam perkahwinan poligami, di mana 24 klien (6%) bertaraf isteri pertama dan 13 klien (3%) bertaraf isteri kedua. Seramai 14 klien (6%) bertaraf suami turut menghubungi Telenisa. Data menunjukkan tiada peningkatan dari tahun 2021. Pada tahun 2021, 51 klien (12%) juga berpoligami, di mana 35 daripadanya (8%) bertaraf isteri pertama dan 16 lagi (4%) bertaraf isteri kedua. Tiada klien kami yang bertaraf isteri ketiga atau keempat direkodkan.

Antara kebimbangan utama yang telah diajukan oleh klien yang berada dalam perkahwinan poligami adalah suami yang telah berkahwin lagi

tanpa restu atau persetujuan isteri, peratusan yang direkodkan sebanyak 24%. Isu-isu lain yang telah diadukan termasuk suami yang tidak membayar nafkah pada 18%. Selain itu, suami yang tidak memberikan nafkah anak dan poligami yang tidak didaftarkan, masing-masing direkodkan pada 14%.

Isteri yang tidak berasa bahagia atau suami yang melarikan diri serta isu lain-lain, masing-masing direkodkan pada 8%. Akhir sekali, giliran yang tidak adil di antara isteri-isteri dicatatkan sebanyak 3%.


### Isu-Isu Berkaitan Perkahwinan Poligami (2022)





**HAK ISTERI**

## PERTANYAAN BERKAITAN PERCERAIAN & PUNCA PERCERAIAN



Tiga pertanyaan utama berkaitan perceraian sepanjang 2022 adalah fasakh, talaq dan ta'liq. Pertanyaan mengenai fasakh direkodkan tertinggi pada 40%, namun peratusan ini menurun dari 58% pada 2021. Pertanyaan berkenaan talaq (dalam mahkamah) direkodkan pada 19%, manakala ta'liq direkodkan pada 15%. Jadual di atas adalah perbandingan di antara tahun 2021 dan 2022 untuk tiga pertanyaan utama berkaitan perceraian.


## TUNTUTAN FASAKH













Sejak tahun 2016, fasakh kekal sebagai pertanyaan terbanyak yang diterima berkaitan perceraian. Fasakh ialah cara perceraian yang difailkan oleh isteri apabila suami enggan melafazkan cerai melalui talaq.

Seksyen 53 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 menyatakan “Seseorang perempuan atau lelaki, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang berkahwin mengikut Hukum Syarak berhak mendapat suatu perintah untuk fasakh atas satu atau lebih daripada alasan”.

Hak ini telah disebut dengan jelas. Hampir keseluruhan alasan yang diperuntukkan melibatkan kesalahan dari pihak suami yang boleh mengakibatkan pengabaian, penganiayaan dan kezaliman kepada isteri. Fasakh adalah jalan terakhir yang terpaksa dipilih oleh isteri yang tidak lagi dapat meneruskan kehidupan bersama suaminya.

### Tuntutan Fasakh



	2020	2021	2022
<b>PERTAMA</b>	 KEGANASAN RUMAH TANGGA <b>23%</b>	 KEGAGALAN KOMUNIKASI <b>25%</b>	 KEGAGALAN KOMUNIKASI <b>31%</b>
<b>KEDUA</b>	 SUAMI TIDAK MEMBERI NAFKAH <b>18%</b>	 KEGANASAN RUMAH TANGGA <b>23%</b>	 KEGANASAN RUMAH TANGGA <b>15%</b>
<b>KETIGA</b>	 KECURANGAN <b>14%</b>	 SUAMI TIDAK MEMBERI NAFKAH <b>20%</b>	 SUAMI TIDAK MEMBERI NAFKAH <b>15%</b>
<b>KEEMPAT</b>	 POLIGAMI & MASALAH KEWANGAN <b>10%</b>	 KECURANGAN <b>11%</b>	 KECURANGAN <b>13%</b>

Telenisa telah membuat perbandingan dari tahun 2020 hingga 2022 untuk mengenal pasti empat punca perceraian tertinggi. Secara keseluruhan, kegagalan komunikasi adalah punca perceraian tertinggi sepanjang 2022 yang direkodkan pada 31%. Ini berlaku disebabkan keegoan pasangan, ketiadaan toleransi atau ketiadaan perbincangan yang kemudiannya menghilangkan perasaan kasih sayang serta keharmonian rumah tangga.

Ini diikuti oleh keganasan rumah tangga pada 15%, di mana ia kekal sebagai satu daripada empat punca utama perceraian sejak tahun 2020.

Punca ketiga tertinggi direkodkan pada 15% adalah situasi yang sering berlaku iaitu suami yang gagal memberi nafkah. Punca ini mengalami penurunan dari 18% pada tahun 2020. Kecurangan dicatatkan sebagai punca keempat tertinggi pada 13%, sedikit peningkatan daripada 11% dari tahun 2021.



## ISU-ISU BERKAITAN HAK ISTERI

Secara majoritinya, pertanyaan berkenaan tuntutan nafkah adalah paling kerap diajukan oleh klien kami. Sejumlah 66% daripada klien kami ingin tahu tentang tatacara untuk membuat tuntutan nafkah. Daripada jumlah tersebut, 47% tidak pernah memfailkan tuntutan nafkah di Mahkamah Syariah.


Manakala 13% lagi telah bertanya tentang tunggakan nafkah berkenaan isteri yang telah mendapatkan perintah untuk menerima nafkah, tetapi suaminya masih tidak menurut perintah yang telah ditetapkan oleh mahkamah.

Selebihnya, 6% bertanyakan tentang nafkah iddah, iaitu nafkah yang wajib dibayar kepada bekas isteri semasa tempoh iddah yang disebabkan oleh perceraian.

Peratusan isu lain yang sering ditanyakan adalah berkenaan mut'ah, iaitu sebanyak 14%. Isu ketiga adalah berkaitan harta sepencarian (13%), diikuti oleh nusyuz (7%). Nusyuz sering dikaitkan dengan keingkar dan keengganan isteri terhadap permintaan atau perintah suami.




## Isu-Isu Yang Mempengaruhi Isteri



## Isu-Isu Berkaitan Nafkah Isteri

● 2021 ● 2022



Berdasarkan rajah di atas, isu yang sering membelenggu klien kami adalah isu berkaitan nafkah. Sebanyak 50% daripada klien kami mendedahkan bahawa suami mereka tidak memberi nafkah yang mencukupi dan mengharapkan isteri menguruskan hidup dengan seberapa sedikit yang diberi.

Isu kedua yang isteri perlu hadapi adalah suami tidak bekerja yang direkodkan pada 28%. Biasanya, jika suami tidak mempunyai pendapatan, ini boleh menyebabkan kesulitan kewangan rumah tangga. Keluarga mungkin mengalami kesulitan dalam memenuhi keperluan asas seperti makanan, bekalan elektrik dan sewa rumah. Tambahan pula, klien kami yang tidak bekerja terpaksa mengeluarkan wang simpanan sendiri untuk menanggung perbelanjaan rumah dan harian.

Isu ketiga yang direkodkan adalah pelanggaran perintah mahkamah oleh suami atau bekas suami berkenaan nafkah (11%). Ramai suami masih culas melaksanakan perintah nafkah anak sebagaimana yang diperintahkan oleh mahkamah.

Isu keempat adalah isu yang berkait rapat dengan nafkah isteri, direkodkan pada 8%. Sebagai contoh, suami hanya memberikan perbelanjaan sekali setiap tiga bulan kerana suami tahu jika dia gagal menunaikan nafkah melebihi tiga bulan berturut-turut, isteri boleh memohon untuk bercerai. Terdapat juga situasi di mana klien mengadu suaminya hanya akan membuat pembayaran bil utiliti setelah mendapat notis terakhir.

Akhirnya, isu di mana isteri tidak menerima nafkah adalah sebanyak 3%. Dalam situasi ini, isteri terpaksa menanggung sepenuhnya perbelanjaan rumah tangga seperti sewa rumah, bil utiliti, pakaian, minuman dan makanan.

Nafkah tidak terhad pada keperluan asas sahaja. Islam turut menyatakan bahawa nafkah itu termasuk juga usaha untuk menyediakan pendidikan, perubatan dan juga alat-alat pembersihan diri seperti barang kosmetik dan lain-lain.



## NUSYUZ

Nusyuz adalah satu topik perbincangan yang hangat diperkatakan dan seringkali mengundang persoalan. Apakah maksud nusyuz? Adakah nusyuz ini hanya berkaitan dengan salah laku isteri sahaja? Bagaimana pula dengan suami? Dan apakah pula perbuatan yang boleh disabitkan dengan nusyuz?

Kita perlu memahami apakah itu nusyuz menerusi makna perkataan “nusyuz” itu sendiri. Nusyuz bermaksud membantah, membangkang dan menderhaka. Ibnu Muflih mentafsirkan nusyuz sebagai isteri atau suami yang membenci pasangannya dan memberi layanan yang buruk terhadap mereka. Ini termasuklah isteri atau suami yang tidak menjalankan kewajipan kepada pasangan masing-masing.

Suami juga boleh menjadi nusyuz apabila dia tidak menyediakan nafkah zahir dan nafkah batin yang cukup kepada isterinya, dan sering menyakiti atau mendera isteri dari segi fizikal mahupun emosi. Jika suami itu berpogami, dia menjadi nusyuz jika bersikap tidak adil terhadap isteri-isterinya.

## UNDANG-UNDANG DAN TATACARA PENSABITAN NUSYUZ DI MAHKAMAH

Dari sudut perundangan, ada beberapa isu yang menyumbang kepada penghakiman yang tidak konsisten. Isu seperti peruntukan berkaitan pensabitan nusyuz isteri dalam enakmen, tatacara tuntutan sabitan nusyuz isteri yang kurang jelas, dan beban pembuktian nusyuz isteri yang berat.

Seksyen 60 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) ("EUUKINS") 2003 menyebut tentang kuasa Mahkamah untuk memerintah nafkah kepada isteri dan kesan nusyuz:

- (1) Tertakluk kepada Hukum Syarak, Mahkamah boleh memerintahkan seseorang lelaki membayar nafkah kepada isteri atau bekas isterinya.
- (2) Tertakluk kepada Hukum Syarak dan pengesahan Mahkamah, seseorang isteri tidaklah berhak mendapat nafkah apabila dia nusyuz atau enggan dengan tidak berpatutan menurut kemahuan atau perintah sah suaminya, iaitu, antara lain:
  - (a) apabila dia menjauhkan dirinya dari suaminya;
  - (b) apabila dia meninggalkan rumah suaminya bertentangan dengan kemahuan suaminya; atau
  - (c) apabila dia enggan berpindah bersama suaminya ke satu rumah atau tempat lain, tanpa apa-apa sebab yang sah mengikut Hukum Syarak.
- (3) Selepas sahaja isteri itu bertaubat dan menurut kemahuan dan perintah sah suaminya, maka isteri itu tidaklah lagi menjadi nusyuz.



Seksyen 60 EUUKINS2003 di atas menjelaskan kesan nusyuz ke atas isteri jika disabitkan oleh Mahkamah Syariah yang boleh menyebabkan isteri itu dinafikan haknya untuk menerima nafkah daripada suami. Perlakuan nusyuz yang dimaksudkan bukan sahaja yang terdapat di perenggan (a), (b) dan (c) subseksyen (2) di atas, tetapi juga apa-apa perlakuan nusyuz yang diertikan oleh Hukum Syarak boleh diguna pakai untuk pensabitan oleh Mahkamah Syariah. Isu seperti ini menyebabkan isteri dinafikan nafkah, kecuali isteri itu telah bertaubat dan kembali taat kepada kemahuan dan perintah suami yang dianggap mutlak.

Menurut subseksyen 60(1) **EUUKINS 2003**, Mahkamah Syariah tidak boleh sewenang-wenangnya mensabitkan nusyuz ke atas seseorang isteri kecuali difailkan terlebih dahulu suatu tuntutan nafkah isteri oleh si isteri (Plaintif) di Mahkamah Syariah. Oleh itu, suami perlu mendapatkan pengesahan mahkamah dan tidak boleh menuduh isterinya sebagai nusyuz di luar mahkamah, sehinggalah satu pengisytiharan dibuat di Mahkamah Syariah. Prosiding bagi mensabitkan isteri sebagai nusyuz pula hanya akan berlangsung dengan adanya suatu tuntutan dari suami.

Dalam prosiding di mahkamah, suami bukan sahaja perlu membuktikan bahawa isteri telah keluar dari rumah tanpa alasan yang tidak bertentangan syarak, suami juga perlu membuktikan bahawa dia sendiri telah menjalankan tanggungjawab menyediakan semua keperluan serta tidak ada sebab untuk isteri keluar meninggalkan rumah. Setelah cukup segala keterangan dan pembuktian yang tiada keraguan, hanya dengan ini mahkamah boleh mensabitkan isteri sebagai nusyuz dalam tempoh tertentu.

Oleh demikian, perlu ditekankan bahawa suami membentangkan buktinya adalah perkara yang amat penting. Kebanyakan kes bagi sabitan nusyuz, suami tidak menyediakan bukti bahawa dia telah melaksanakan tanggungjawabnya sedangkan tuntutan adalah untuk mensabitkan isterinya sebagai nusyuz.

Kes Abdul Hanif lwn. Rabiah [JH (1997) JLD XI] adalah berkenaan isteri bertindak keluar dari rumah yang disebabkan oleh suami. Hanif telah menghimpunkan ahli keluarga isteri pertama dengan Rabiah, isteri kedua, dalam satu rumah sebagai alasan Rabiah keluar dari rumah. Rabiah sebagai isteri kedua menuntut fasakh dan mendakwa bahawa sepanjang tempoh dia keluar hingga memfailkan kes fasakh, suami gagal menyediakan nafkah dan keperluan seperti rumah kediaman dengan sempurna. Oleh itu, mahkamah memutuskan bahawa dari tarikh isteri keluar rumah, isteri tersebut tidak nusyuz kerana suami telah gagal menjalankan tanggungjawab dengan sempurna.




## BOLEHKAH ISTERI MEMFAILKAN TUNTUTAN NUSYUZ TERHADAP SUAMI?

### Nusyuz Pihak Suami

Nusyuz tidak hanya berlaku pada isteri, malah suami juga boleh disabitkan sebagai nusyuz bila berlakunya pengabaian tanggungjawab yang diamanahkan. Keadaan yang menunjukkan nusyuz suami adalah seperti berikut:

- (i) Nusyuz suami melalui percakapan;
  - (a) Tidak mengendahkan isterinya tanpa alasan yang munasabah seperti tidak mahu bercakap dengan isteri atau bercakap kasar.
  - (b) Mengesyaki isterinya tanpa sebarang sebab yang munasabah.
  - (c) Mengarahkan isterinya melakukan perbuatan bertentangan dengan kehendak syarak.
- (ii) Nusyuz suami melalui perbuatan;
  - (a) Langsung tidak melakukan hubungan kelamin dengan isterinya tanpa sebab yang dibenarkan oleh Syarak.
  - (b) Bertindak kejam dan keras terhadap isteri seperti memukul.
  - (c) Tidak menyediakan nafkah yang sewajarnya kepada isteri.
  - (d) Mengabaikan penyediaan tempat tinggal dan perlindungan.
  - (e) Tidak memelihara kehormatan isteri.
  - (f) Berpoligami tetapi tidak berlaku adil terhadap isteri-isterinya.




Akan tetapi, di dalam Undang-undang Keluarga Islam tiada hukuman yang diberikan terhadap suami yang nusyuz. Walau bagaimanapun, bagi suami yang nusyuz, yakni membawa mudarat kepada isteri atau telah menjejaskan keharmonian rumahtangganya, maka isteri dibenarkan menuntut cerai melalui fasakh dan juga mendapat bayaran pampasan iaitu mut'ah. Sebagai rumusan untuk topik ini, sabitan nusyuz hendaklah diputuskan oleh mahkamah sahaja dan suami tidak boleh sewenang-wenangnya menjatuhkan nusyuz. Ini bertujuan bagi mengelakkan penganiayaan ke atas isteri.

*NOTA KAKI: Ahmad Dahalan, Nurul Wazeera (2011) Pensabitan isteri nusyuz menurut undang-undang keluarga Islam : kajian di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur / Nurul Wazeera binti Ahmad Dahalan. Masters thesis, University of Malaya.*



**HAK  
KANAK-KANAK**

## ISU-ISU BERKAITAN KANAK-KANAK




Sepanjang 2022, sejumlah 311 kanak-kanak telah terjejas kehidupan mereka disebabkan pelbagai masalah ibu bapa yang tidak dapat diselesaikan. Daripada jumlah di atas, seramai 244 kanak-kanak telah direkodkan berumur bawah 18 tahun dan 69 kanak-kanak pula berusia lebih 18 tahun.

## Umur Kanak-Kanak Yang Terlibat




Isu berkaitan nafkah anak masih mencatatkan peratusan tertinggi iaitu 52%. Isu kedua tertinggi adalah berkenaan isu hak jagaan anak (hadhanah) pada 39%, diikuti oleh isu anak tidak sah taraf pada 6%. Isu lain-lain pada 3% adalah berkait rapat dengan isu pengambilan anak angkat dan isu anak jagaan atau perwalian.

## Isu-Isu Berkaitan Nafkah Anak



Antara punca timbulnya pelbagai isu berkenaan nafkah anak adalah disebabkan oleh bapa yang gagal menyediakan nafkah anak yang mencukupi (49%), diikuti oleh bapa yang tiada pekerjaan (29%), dan bapa yang melanggar perintah mahkamah (14%). Isu lain-lain direkodkan sebanyak 6% dan isu seperti bapa yang langsung tidak memberi sebarang nafkah adalah sebanyak (2%).

### Isu-Isu Berkaitan Hak Jagaan Anak (2020-2022)



Isu hak lawatan anak tidak banyak berubah untuk dua tahun ini. Sepanjang tahun 2022 pula, kami dapati tiada klien memetik isu berkaitan pertikaian hak jagaan. Akan tetapi, isu pemelarian anak yang direkodkan pada 24% adalah amat membimbangkan.

Pada tahun 2022, sebanyak 14% daripada klien kami telah mengangkat satu isu baharu berkaitan hak jagaan anak, iaitu isu berkaitan pendaftaran kerakyatan anak dan bagaimana ia akan mempengaruhi tuntutan ibu bapa terhadap hak jagaan anak itu.



## PENCULIKAN DAN PEMELARIAN ANAK OLEH IBU BAPA

Menurut undang-undang ini, penculikan kanak-kanak merujuk kepada mengambil atau menyimpan kanak-kanak dengan niat untuk memisahkan kanak-kanak itu dari ibu atau bapa atau orang yang mempunyai hak penjagaan kanak-kanak tersebut. Penculikan kanak-kanak juga merujuk kepada pemelarian anak ke luar negara tanpa kebenaran ibu atau bapa atau penjaga anak tersebut.

Fenomena pemelarian anak oleh ibu atau bapa merentasi sempadan semakin meningkat. Terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada isu ini. Antaranya:

- Keganasan rumah tangga
- Ibu atau bapa yang berasa tidak puas hati dengan keputusan mahkamah
- Ugutan pihak satu lagi untuk melarikan anak
- Tindak balas akibat ugutan oleh pihak satu lagi
- Risiko melarikan anak boleh meningkat apabila melibatkan pertelingkahan hak jagaan anak
- Bidang kuasa perintah hak jagaan anak dari negara luar yang tidak muktamad

Di bawah perundangan Malaysia, terdapat dua akta berkaitan menculik iaitu di bawah Kanun Keseksaan (Akta 574) dan Akta Penculikan 1961 (Akta 365). Bab XVI Kanun Keseksaan berkaitan kesalahan terhadap

tubuh badan yang turut melibatkan kesalahan-kesalahan menculik dan melarikan orang. Di bawah Kanun Keseksaan tersebut terdapat dua jenis jenayah menculik:

- (i) Di bawah Seksyen 360 iaitu menculik dari Malaysia, melibatkan kesalahan membawa mana-mana orang keluar dari sempadan Malaysia tanpa kebenaran orang itu atau orang yang berkuasa dari segi undang-undang ke atasnya;**
- (ii) Di bawah Seksyen 361 iaitu menculik dari penjaga yang sah.**

Takrif di bawah Akta Penculikan 1961 pula menyatakan “sekatan yang salah” (“wrongful restraint”), “pengurungan yang salah” (“wrongful confinement”) dan “pemelarian” (“abduction”) hendaklah menurut peruntukan Seksyen-seksyen 339, 340 dan 362 di bawah Kanun Keseksaan.

Secara umumnya, kesalahan menculik di bawah Kanun Keseksaan melibatkan kesalahan membawa mana-mana orang keluar dari sempadan Malaysia tanpa kebenaran orang itu atau orang yang berkuasa dari segi undang-undang ke atasnya.

Bagi kesalahan menculik kanak-kanak, elemen penting ialah menculik kanak-kanak dari penjaga kanak-kanak yang sah. Asalkan dapat dibuktikan bahawa kanak-kanak telah diculik dari penjaganya yang sah atau dibawa keluar Malaysia dari jagaan yang sah, maka wujud kesalahan menculik kanak-kanak di bawah Kanun Keseksaan.

Selain kesalahan di bawah Akta Penculikan 1961, penculikan turut diperuntukkan di bawah Kanun Keseksaan, apabila wujud elemen sekatan yang salah atau pengurangan yang salah untuk menghalang orang yang diculik bergerak bebas ke mana yang dia berhak pergi.

Manakala, pemelarian menurut Akta Penculikan 1961 diperjelaskan di bawah Kanun Keseksaan apabila melibatkan elemen paksaan dan penipuan. Pemelarian anak oleh ibu atau bapa tidak semestinya melibatkan unsur paksaan dan penipuan mahupun kekerasan, tetapi unsur yang boleh wujud adalah paksaan secara tidak langsung atas dasar hubungan anak dan ibu bapa, di mana anak lazimnya akan patuh pada arahan ibu atau bapa. Menculik atau melarikan kanak-kanak daripada penjaganya yang sah adalah satu kesalahan berat.

Oleh yang demikian, pemelarian anak oleh ibu atau bapa sangat berbeza dengan penculikan dan pemelarian di bawah Kanun Keseksaan dan Akta Penculikan 1961 kerana ketiadaan elemen paksaan jenayah. Seksyen 360 dan 361 Kanun Keseksaan (Akta 574) menyatakan pemelarian anak yang dilakukan oleh ibu atau bapa yang bukan penjaga anak yang sah.

Kanak-kanak kenal dan sudah biasa dengan ibu atau bapa mereka. Ini berbeza dengan penculikan dan pemelarian anak oleh orang selain ibu bapa, di mana ia melibatkan unsur paksaan jenayah seperti penipuan, ugutan atau ancaman ke atas keselamatan kanak-kanak.

Sekiranya terdapat kes penculikan atau pemelarian kanak-kanak, ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak itu patut membuat laporan polis secepat mungkin. Polis akan mengambil tindakan untuk mencari dan menyelamatkan kanak-kanak itu, serta menangkap pelaku penculikan.

Kesan penculikan atau melarikan anak bukan hanya ke atas ibu atau bapa yang ditinggalkan, tetapi paling utama kesannya ke atas kanak-kanak yang dilarikan itu kerana terputus hubungan dengan keluarga, kawan-kawan dan persekitaran. Adakalanya, anak dibawa lari ke tempat yang jauh berbeza dan sukar untuk difahami yang mempunyai jurang perbezaan budaya.

Anak yang dilarikan oleh ibu atau bapa sendiri berkemungkinan akan berhadapan dengan pelbagai masalah ekonomi, sosial, politik dan perundangan. Kehidupan anak tersebut seolah-olah sebagai pelarian, tidak mendapat persekolahan yang sepatutnya kerana disembunyikan.

Mereka juga terpaksa mengharungi suasana kehidupan yang baharu, terutamanya apabila dilarikan keluar dari sempadan negara dengan pelbagai cabaran budaya, agama dan bahasa. Ini sudah pasti menimbulkan konflik dan trauma kepada anak itu.

Perbuatan ini akan mengundang masalah psikologi ke atas anak yang dilarikan oleh ibu atau bapa sendiri. Tindakan drastik melarikan anak mendatangkan lebih keburukan daripada kebaikan ke atas anak yang dilarikan itu.

Perpisahan dan putus hubungan dengan ibu atau bapa akan meninggalkan kesan. Ibu atau bapa yang menemui jalan buntu akan kecewa kerana tiada cara untuk mendapatkan kembali anak yang dilarikan. Penculikan atau pemelarian anak oleh ibu atau bapa merentasi sempadan hendaklah ditangani dengan betul. Kesan yang ditinggalkan bukan sahaja ke atas anak itu tetapi juga ke atas ibu atau bapa yang ditinggalkan oleh pasangan yang melarikan anak tersebut.

Sudah tiba masanya fenomena pemelarian anak oleh ibu atau bapa merentasi sempadan ini ditangani dengan bersungguh memandangkan implikasinya ke atas perundangan dan institusi kekeluargaan.

# Bagaimana Anda Boleh Membantu?

SUMBANGAN ANDA BOLEH DISALURKAN MENERUSI: SIS Forum (Malaysia) - 5641 8240 5457 (Maybank)

## Organisasi Yang Membantu Dan Menyokong Wanita

### Telenisa Helpline



012-812 3424

Nasihat guaman percuma  
berkenaan Undang-undang  
Keluarga Islam dan  
kesalahan jenayah Syariah

### Talian NUR

15999

Keganasan rumah tangga,  
penderaan kanak-kanak

### Sarawak Women for Women Society (SWWS)

082-368 853

Kaunseling dan nasihat  
guaman percuma

### All Women's Action Society (AWAM)

03-7877 4221

Counselling, sexual  
harassment and rape

### Sabah Women's Action Resource Group (SAWO)

088-269 291

Kaunseling dan nasihat  
guaman percuma

### Women's Aid Organisation (WAO)

03-3000 8858

Kaunseling dan tempat  
perlindungan untuk  
keganasan terhadap wanita

### Women Centre for Change (WCC) Seberang Prai

04-398 8340

Kaunseling dan nasihat  
guaman percuma

### Perak Women for Women (PWW)

05-546 9715

Kaunseling

### Women Centre for Change (WCC) Penang

04-228 0342

Kaunseling dan nasihat  
guaman percuma

### Legal Aid Centre (Selangor)

03-5510 7007

Perwakilan  
guaman percuma

### Legal Aid Centre (Kuala Lumpur)

088-269 291

Kaunseling dan nasihat  
guaman percuma

### Legal Aid Department Malaysia

03-8885 1827  
(CIVIL)  
03-8885 1094  
(SYARIAH)

Nasihat guaman dan  
bantuan guaman percuma

## Sisters in Islam

### SIS FORUM - MALAYSIA (266561W)

No. 4, Lorong 11/8E, 46200 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

T +603 7960 3357 / 5121 / 6733

E sis@sistersinislam.org.my

W www.sistersinislam.org



@officialSIS



@SistersInIslam



@sistersinislam.my



SistersInIslamMYS



@Sistersinislam.my

## TELENISA

### KLINIK GUAMAN TELENISA

No. 4, Lorong 11/8E, 46200 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

T +6012 812 3424  

E telenisa@sistersinislam.org.my

Waktu Operasi: Selasa, Rabu & Khamis  
Dari 10:00AM hingga 5:00PM



@Telenisa.SIS



@telenisa\_sis



@telenisa

Telenisa disokong oleh:



YAYASAN



FRIEDRICH NAUMANN  
FOUNDATION For Freedom.

ISBN 978-983-2622-53-6



9 789832 622536

Statistik & Dapatan Telenisa 2022

